



SURAT KHABAR	:	METRO AHAD
TARIKH	:	23/9/2018
JABATAN	:	PERHILITAN
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN
MUKA SURAT	:	2



ANTARA haiwan eksotik yang dirampas JKDM Perlis di perairan Kuala Perlis, kelmarin.

# 435 HAIWAN NAIK BOT

■ **Kastam Perlis tumpas cubaan seludup binatang termahal dari Indonesia**

Muhammad Mustakim Ramli  
m.mustakim@nstp.com.my

**Kangar**

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Perlis merampas 435 haiwan eksotik termasuk sepasang anak orang utan yang cuba diseludup di perairan Kuala Perlis-Langkawi, dekat sini, kelmarin.

Ketua Pengarahnya Datuk Seri T Subromanian berkata, dalam kejadian jam 12.25 tengah malam, pihaknya menahan sebuah bot nelayan

dinaiki tiga suspek warga Indonesia berusia antara 40 dan 50 tahun.

"Hasil pemeriksaan mendapati mereka mempunyai dokumen perjalanan sah sebelum pemeriksaan lanjut menemui 39 kotak mengandungi 435 haiwan pelbagai spesies.

"Mereka gagal mengemukakan dokumen serta memberikan bukti berkaitan haiwan yang cuba dibawa masuk berkenaan," katanya pada sidang media di Pejabat Penguatkuasaan Marin Kastam di sini, semalam.

Antara haiwan yang di-

rampas ialah anak orang utan, anak musang albino, burung cenderawasih, burung alba cockatoo, burung electus parrot, burung bayan nuri, burung kuang raya, anak buaya dan sugar glider.

Berdasarkan penilaian Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN) Perlis, semua haiwan itu dikategorikan sebagai spesies terlarang dan termahal dianggarkan bernilai jutaan ringgit.

Subromanian berkata, suspek dipercayai membawa haiwan itu dari Sumatera, In-

PEGAWAI Penguat Kuasa PERHILITAN Perlis Muhammad Faeshal Amin Fikhri (kanan) dan Nadzatul Nattassha Mustapa (dua dari kanan) mendukung orang utan yang dirampas JKDM.



donesia untuk pasaran tempatan dan negara jiran.

"Taktik penyeludupan menggunakan jalan laut ini mengambil masa dua hari ti-

ga malam dari Sumatera untuk sampai ke perairan Kuala Perlis-Langkawi.

"Semua suspek serta haiwan yang dirampas diserahkan

kepada PERHILITAN Perlis," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 135(1)(e) Akta Kastam 1967.